

13/01/2003

Ireland sedia latih pelajar kuasai bahasa Inggeris

Shamshul Azree Samshir

IPOH: Ireland sedia berkongsi pengalaman dengan Malaysia membangunkan sektor pendidikan termasuk membantu kerajaan menjayakan program melatih pelajar menguasai bahasa Inggeris di sekolah.

Menteri Luar Ireland, Brian Cowen, berkata kerjasama Ireland dan Malaysia dalam bidang pendidikan terjalin sejak lama dan hubungan erat itu memanfaatkan kedua-dua negara.

"Malaysia dan Ireland memiliki banyak persamaan dan keserasian itu membolehkan kerjasama dalam pelbagai bidang dilakukan antara kedua-dua negara.

"Sejak dulu lagi hubungan dalam bidang pendidikan amat kuat dan dengan pengumuman kerajaan Malaysia yang mahu rakyat menguasai bahasa Inggeris, kita yakin dapat membantu," katanya kepada Berita Harian selepas melawat Kelab Lumba Kuda Perak di sini, semalam.

Semalam adalah hari terakhir Cowen di Malaysia selepas tiba di Kuala Lumpur, Rabu lalu, untuk lawatan lima hari ke negara ini.

Sepanjang lawatan itu, Cowen menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatan, Datuk Seri Syed Hamid Albar serta Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Cowen berkata, industri perisian komputer di Ireland dapat membantu sektor pendidikan negara dengan membekalkan perisian khusus dalam bidang pendidikan kepada institusi pengajian atau sekolah di Malaysia.

"Ireland adalah antara pengeluar terbesar perisian di dunia. Banyak program pendidikan melalui perisian komputer dihasilkan di Ireland dan produk itu boleh dibawa ke negara ini," katanya.

Cowen berkata, pelabur di negara itu masih menganggap Malaysia sebagai sebuah negara ideal dengan pelbagai kelebihan terutama rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran.

"Ini dapat dilihat dengan nilai pelaburan ke negara ini yang dianggarkan sebanyak RM7 bilion selain banyak syarikat multinasional di Ireland menjadikan Malaysia sebagai tapak meluaskan pasaran di Asia.

"Begitu juga syarikat tempatan yang membuka cawangan di Ireland bagi memberi tumpuan kepada pasaran Eropah," katanya.

Beliau berkata, pembukaan Republik Rakyat China sebagai negara pasaran baru tidak membimbangkan kerana Malaysia memiliki kelebihan dan keistimewaan tersendiri.

"Selain rakyat yang berpendidikan, pekerja negara ini juga terdedah dengan kemajuan teknologi moden serta mahir menggunakan peralatan moden," katanya.

Cowen berkata, Ireland kagum dengan kejayaan yang dicapai Malaysia terutama dalam menyediakan kemudahan dan prasarana moden demi kepentingan rakyat.

"Ireland dapat mempelajari sesuatu dengan melihat bagaimana Malaysia menyediakan pelbagai kemudahan yang moden dan lengkap untuk rakyat," katanya.

Cowen menyifatkan lawatannya amat berjaya dengan pelbagai pengalaman baru diperolehi untuk dimanfaatkan di negaranya.